

NAMA SEKOLAH
ALAMAT SEKOLAH

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2019
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/1

Kertas 1
OGOS/SEPTEMBER 2019
1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** diprogramkan.*

- 1 Perniagaan Santosh menggunakan kaedah yang sama dan konsisten untuk merekodkan dan memproses data.

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh Perniagaan Santosh?

- A Ketekalan
- B Usaha berterusan
- C Entiti berasingan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 2 Apakah sumber modal bagi Kedai Dobi John dan Donny?

- A Caruman anggota
- B Simpanan dan pinjaman pemilik
- C Sumbangan daripada para pekongsi
- D Terbitan saham kepada orang awam

- 3 Urus niaga yang manakah akan menambahkan aset dan ekuiti perniagaan?

- A Bayar pembekal dengan cek
- B Terima pinjaman daripada bank
- C Pemilik membawa masuk perabot peribadi
- D Ambilan inventori untuk kegunaan peribadi

- 4 Pilih padanan yang betul.

	Akaun yang berkaitan	Catatan kontra
A	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu
B	Perabot	Susut nilai Perabot
C	Belian	Pulangan Masuk
D	Tunai	Ambilan

5 Maklumat berikut adalah berkenaan Butik D'ROS Fesyen

MEMO	
Butik D'ROS Fesyen 3, Jalan Kelana 2, Lot Pakaian Indah 54600 Pulau Pinang	
Kepada: Kerani Akaun	Tarikh: 3 Julai 2019
Mengambil barang niaga bernilai RM350 untuk derma kepada anak yatim.	
<i>Temah</i> Pengurus	

Apakah catatan bergu bagi dokumen sumber di atas

	Akaun Debit	Akaun Kredit
A	Derma	Tunai
B	Derma	Belian
C	Ambilan	Tunai
D	Ambilan	Belian

6 Urus niaga di bawah ini diambil daripada Kedai Runcit Ramasamy.

Muthusamy memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM220.

Apakah dokumen sumber yang terlibat dengan urus niaga di atas bagi Kedai Runcit Ramasamy?

- A** Invois
- B** Bil Tunai
- C** Nota Debit
- D** Nota Kredit

- 7 Urusniaga di bawah diperoleh daripada Maju Auto Sdn Bhd.

Belian perabot secara kredit berjumlah RM2 500 dariapda Syarikat Perabot Delly

Apakah catatan yang betul?

	Debit	Kredit
A	Belian	Syarikat Perabot Delly
B	Perabot	Syarikat Perabot Delly
C	Syarikat Perabot Delly	Belian
D	Syarikat Perabot Delly	Perabot

- 8 Jurnal Belian berikut diperoleh daripada Kedai Chantiq pada 31 Ogos 2019.

Jurnal Belian		
Tarikh	Butir	Jumlah
2019		RM
Ogos 4	Zandiq Enterprise	2 650
18	Syarikat Jayaraya Sdn. Bhd.	5 680
23	Pembekal Malique	4 250
31	X	12 580

Jumlah X akan dipindahkan ke Akaun

- A** Belian.
B Zandiq Enterprise.
C Pembekal Malique.
D Syarikat Jayaraya Sd. Bhd.
- 9 Maklumat yang berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

1 Julai 2019	
Jumlah penerimaan	RM300
1 Julai hingga 31 Julai 2019	
Jumlah pembayaran	RM273
1 Ogos 2019	
Baki akhir	RM27

Berapakah jumlah wang yang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM27
- B RM273
- C RM300
- D RM327

10 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Nasional Berhad.

Bayar belian alat tulis pejabat berjumlah RM410 dengan cek.

Apakah catatan bergu yang betul bagi urus niaga tersebut?

	Akaun Debit	Akaun Kredit
A	Alatan pejabat	Bank
B	Alat tulis	Bank
C	Bank	Alatan pejabat
D	Bank	Alat tulis

11 Maklumat berikut diperoleh dari lejar Kedai Buku Tulis Sally.

Akaun Tunai			
2019		RM	
Jul 13	Lim Bookstore	850	
Lim Bookstore			
		2019	RM
		Jul 13	Tunai 850

Apakah urus niaga yang berlaku pada 13 Julai 2019?

- A Bayar tunai RM850 kepada Lim Bookstore
- B Terima tunai RM850 dari Lim Bookstore
- C Beli barang niaga RM850 secara tunai
- D Jual barang niaga secara tunai

- 12 Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Bayar bagi Bengkel Lee Ah Lek.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
2018	RM	2018	RM
Jun 30 Pulangan belian	240	Jun 30 Baki b/b	1 270
X	8 330	31 Belian	8 200
Baki h/b	900		
	<u>9 470</u>		<u>9 470</u>
	=====		=====

Apakah X ?

- A Bank
- B Faedah
- C Diskaun diberi
- D Angkutan masuk
- 13 Apakah butir yang direkodkan di bahagian debit dalam Imbangan Duga?
- A Hasil
- B Liabiliti
- C Belanja
- D Ekuiti Pemilik
- 14 Berikut merupakan Penyata Kedudukan Kewangan yang diambil daripada Nira Impian House.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019			
	RM		RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		<u>Ekuiti Pemilik</u>	
M	20 000	Modal	25 100
		Untung Bersih	1 100
<u>Aset Semasa</u>			
N	800		
Bank	5 100		
Tunai	300		
	<u>26 200</u>		<u>26 200</u>
	=====		=====

Apakah N?

- A Inventori akhir
- B Loji dan Mesin
- C Insurans belum bayar
- D Komisen belum terperoleh

- 15 Maklumat dibawah diperoleh daripada Perniagaan Kaseh

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	8 500	
Hutang lapuk	350	

Maklumat Tambahan

Seorang pelanggan yang berhutang RM620 telah bankrap. Hapuskan hutangnya sebagai hutang lapuk.

Berapakah amaun hutang lapuk yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM270
 B RM350
 C RM620
 D RM970
- 16 Mezzy Berhad membeli sebuah mesin bernilai RM16 000. Mesin dijangka boleh digunakan selama 10 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap mesin dianggarkan sebanyak RM2 400.
 Berapakah susut nilai tahunan mesin tersebut?
- A RM1 360
 B RM1 600
 C RM1 840
 D RM13 600
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Berjaya pada 31 Disember 2018.

	RM
Mesin (kos)	60 000
Susut Nilai Terkumpul Mesin	6 400

Mesin tersebut dijual pada harga RM48 000 pada 31 Disember 2018.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM5 600
 B Rugi pelupusan RM12 000
 C Untung pelupusan RM5 600
 D Untung pelupusan RM12 000

18 Berikut merupakan Imbangan Duga Perniagaan Buddyz pada 31 Julai 2019.

	DEBIT (RM)	KREDIT(RM)
Inventori	1 850	
Bank	4 560	
Tunai	1 500	
Akaun Belum Terima	6 200	
Akaun Belum Bayar		3 900
Sewa	2 400	
Insurans	2 500	
Modal		15 110
	19 010	19 010

Maklumat Tambahan

Pemilik membawa masuk kenderaan bernilai RM38 000 dan wang tunai berjumlah RM1 500 ke dalam perniagaan.

Berapakah nilai imbangan duga terselaras?

- A RM15 110
 - B RM19 010
 - C RM57 010
 - D RM58 510
- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada Hanrooz Enterprise pada 30 Jun 2019.

Pada 30 Jun 2019, Hanrooz Enterprise telah membayar insurans tahunan RM3 600. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah amaun insurans bagi tahun 2019?

- A RM300
 - B RM1 800
 - C RM2 100
 - D RM3 600
- 20 Cek yang telah dikeluarkan untuk membayar gaji pekerja berjumlah RM1 580 telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Gaji.

Apakah pembetulan kesilapan catatan yang perlu dibuat?

	Akaun Debit	Akaun Kredit
A	Gaji RM 1 580	Bank RM 1 580
B	Bank RM 1 580	Gaji RM 1 580
C	Gaji RM 3 160	Bank RM 3 160
D	Bank RM 3 160	Gaji RM 3 160

- 21 Apakah nisbah yang digunakan untuk mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan hutangnya dengan segera?
- A Nisbah Semasa
 - B Nisbah Ujian Asid
 - C Pulangan Atas Modal
 - D Peratus Untung Kasar Atas Jualan

- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada Daiia Sdn. Bhd. dan Sofflan Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31 Oktober 2019.

	Daiia Sdn. Bhd.	Sofflan Sdn. Bhd.
Kadar Pusing Ganti Inventori	3 kali	5 kali

Manakah yang benar tentang pengurusan inventori bagi kedua-dua syarikat tersebut?

- A Sofflan Sdn. Bhd. sentiasa menukar inventori berbanding Daiia Sdn. Bhd.
 - B Daiia Sdn. Bhd. lebih cekap menguruskan inventornya berbanding Sofflan Sdn. Bhd.
 - C Daiia Sdn. Bhd. menukar inventornya setiap 3 bulan sekali manakala Sofflan Sdn. Bhd. Menukar inventornya setiap 5 bulan sekali.
 - D Sofflan Sdn. Bhd. menukar inventornya setiap 3 bulan sekali manakala Daiia Sdn. Bhd. Menukar inventornya setiap 5 bulan sekali.
- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Batik Bling, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

	RM
Modal awal	33 660
Modal akhir	14 400
Ambilan	1 110
Rugi bersih	20 450

Berapakah nilai Modal Tambahan Kedai Batik Bling?

- A RM 2 300
- B RM 26 500
- C RM 28 720
- D RM 38 600

24 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Dondey.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
Modal	RM 20 000	RM 44 400
Maklumat Tambahan:		
i. Pemilik telah membawa masuk perabot peribadi RM 12 200 untuk kegunaan perniagaan.		
ii. Pemilik telah mengambil barang niaga RM 350 sebulan untuk kegunaan peribadi.		
iii. Pemilik telah memindahkan RM 2 000 daripada akaun peribadinya ke Akaun Bank perniagaan.		

- A RM 350
- B RM 2 000
- C RM 4 200
- D RM 14 200

25 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Bunny yang mengamalkan catatan tunggal untuk menyimpan akaunnya.

	RM
Baki pada 31 Jun 2018	
Kenderaan	5 200
Akaun Belum Terima	3 560
Akaun Belum Bayar	2 800
Tunai	1 460
Bank	5 200
Sewa belum terperoleh	600

Maklumat Tambahan:

Kenderaan disusut nilai 10 % setahun atas kos. Tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2018.

Berapakah Modal Akhir?

- A RM 11 500
- B RM 11 760
- C RM 12 960
- D RM 13 220

- 26 Apakah kegunaan penyata bank kepada peniaga?
- I Untuk menghitung baki tunai di tangan.
 - II Untuk menentukan jumlah modal perniagaan
 - III Untuk menyemak catatan dalam Buku Tunai.
 - IV Untuk mengetahui bayaran dan deposit dalam akaun semasa.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 27 Maklumat berikut berkaitan Penyata Penyesuaian Bank.

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2018		
	RM	RM
Baki kredit di Penyata Bank		16 750
Tambah : Deposit belum dikreditkan	1 928	
Faedah atas overdraf	1 600	
Caj bank	70	
		R
		S
Tolak : Cek belum dikemukakan		(T)
Baki debit di Buku Tunai		13 848

Berapakah nilai T ?

- A RM 20 348
 - B RM 6 500
 - C RM 3 598
 - D RM 2 902
- 28 Perniagaan Pasu Antik telah menyediakan anggaran kewangan bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2018. Jualan tunai bagi bulan Jun berjumlah RM 10 000 dan akan bertambah pada setiap bulan sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya.

Berapakah jualan pada bulan Ogos 2018?

- A RM 11 025
- B RM 11 000
- C RM 10 525
- D RM 10 500 [10000 + 500]

- 29 Berikut merupakan modal permulaan yang disumbangkan oleh pekongsi Raniya, Tiz dan Zinnirah yang menubuhkan Dobi RTZ.

Raniya	Tiz	Zinnirah
RM 60 000	RM 50 000	RM 40 000

Dobi RTZ mencatatkan kerugian sebanyak RM15 000 pada 31 Disember 2019.

Kirakan Kongsi Rugi bagi Raniya mengikut nisbah modal.

- A RM 4 000
 - B RM 5 000
 - C RM 6 000
 - D RM 15 000
- 30 Butir manakah **tidak** direkodkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi sesebuah perkongsian?
- I Akaun semasa
 - II Faedah atas ambilan
 - III Faedah atas pinjaman
 - IV Gaji pekongsi belum bayar
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 31 Perkongsian Rania dan Julia memberikan maklumat berikut pada 30 September 2018.

	Julia RM
Pengsangan untung rugi (kongsi untung)	6 000
Ambilan	1 200
Faedah atas modal	3 000

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Julia?

- A RM 4 200
 B RM 7 200
 C RM 7 800
 D RM 9 000
- 32 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perkongsian Kuntum semasa pembubaran.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018	
	RM
<u>Liabiliti semasa</u>	
Akaun belum bayar	5 100
Maklumat tambahan:	
Perkongsian Kuntum telah menerima diskaun sebanyak RM 200 setelah membuat pembayaran penuh kepada Akaun belum bayar.	

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Realisasi?

- A
- | Akaun Realisasi | |
|-------------------|-------|
| | RM |
| Akaun belum bayar | 5 300 |
- B
- | Akaun Realisasi | |
|-------------------|-------|
| | RM |
| Akaun belum bayar | 5 100 |
- C
- | Akaun Realisasi | |
|-------------------|-------|
| | RM |
| Akaun belum bayar | 4 900 |
- D
- | Akaun Realisasi | |
|-------------------|-----|
| | RM |
| Akaun belum bayar | 200 |

- 33 Pada 1 April 2019 Syarikat Sapu Bersih Bhd telah menerbitkan 400 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM 5.00 sesyer dan 100 000 unit Syer Biasa pada harga RM 2.50 sesyer. Pada 30 April 2019, semua syer telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM 250 000
- B RM 2 000 000
- C RM 2 250 000
- D RM 3 750 000

- 34 Pada 6 Januari 2019, modal syer Syarikat ABBAS Bhd. adalah seperti berikut:
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

2 500 000 unit 10% Syer Keutamaan	RM 2 500 000
1 000 000 unit Syer Biasa	RM 1 000 000

Keuntungan syarikat bagi empat tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
	RM	RM	RM
2016	320 000	250 000	70 000
2017	250 000	250 000	0
2018	-	0	0
2019	500 000	R	S

Berapakah nilai R?

- A RM 50 000
 - B RM 250 000
 - C RM 450 000
 - D RM 500 000
- 35 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Renang.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Yuran Belum Terima	600	200
Yuran Belum Terperoleh	100	400
Maklumat tambahan:		
Yuran yang diterima sepanjang tahun 2018 ialah RM 6 600.		

Hitungkan jumlah yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

- A RM5 900
- B RM6 300
- C RM6 900
- D RM7 300

36 Apakah pendapatan modal bagi Kelab Futsal Arena?

- A Derma membina gelanggang
- B Untung minuman
- C Sewa gelanggang
- D Sewa laci

37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Memanah Fency pada 31 Ogos 2019.

	RM
Bank	2 500
Perabot	4 000
Yuran belum terima	400
Inventori akhir cenderamata	650
Akaun Belum Bayar	820

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM 5 930
- B RM6 080
- C RM6 330
- D RM6 730

38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kicap Kapas.

Kos bahan langsung	RM 60 000
Gaji pekerja kilang	26 000
Inventori barang siap	41 200
Kadar bayaran kilang	10 800

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM 29 600
- B RM 55 600
- C RM 70 800
- D RM 96 800

39 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran keropok ubi oleh UbiLazat Enterprise

	RM
Kos Tetap	30 000
Harga Jualan Sebotol	9
Kos Berubah sebotol	4

Berapakah titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat kepada RM50 000?

- A 6000 botol
- B 7500 botol
- C 10000 botol
- D 12 500 botol

40 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Bunga Lily yang menjual bunga hiasan dinding dengan harga RM 120 seunit

	RM
Bahan langsung (seunit)	45
Buruh langsung (seunit)	25
Sewa Premis	10 000
Kos Overhed lain	50 000

Syarikat mensasarkan keuntungan sebanyak RM 9 000.

Berapakah unit bunga hiasan dinding yang perlu dikeluarkan?

- A 180 unit
- B 500 unit
- C 1200 unit
- D 1380 unit

KERTAS SOALAN TAMAT